

**MUZAKARAH PAKAR KE 2:
CABARAN PENDAKWAAN PESALAH SIHIR DI
MAHKAMAH SYARIAH**

21 Julai 2010

**METODOLOGI PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN SIHIR
BERDASARKAN FAKTA SYARIAH DAN SAINS**

**Disediakan Oleh:
Nor Azian Bt Ab Rahman**

**DISEMAK OLEH :
DR MOHD NA'IM MOKHTAR
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

**PENASIHAT KERTAS KERJA:
USTAZ FAUZI MUSTAFA
USTAZ HADI TALHAH
DR OMAR JANTAN
DR SAFOORAH AL'AIDRUS
USTAZ BAHRUDDIN ABDUL RAHMAN
PEGUAM MUHAMAD BIN BUROK
HAMIDI ABDUL RAHMAN**

**ANJURAN:
JABATAN MUFTI SELANGOR**

**KERJASAMA:
PISANG
(Professional Islamic Support And Nurture Group)**

METODOLOGI PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN SIHIR BERDASARKAN FAKTA SYARIAH DAN SAINS

1. MUQADDIMAH

Sihir adalah satu jenayah yang telah lama wujud dalam peradaban tamadun manusia. Namun, hukuman terhadap penjenayah sihir masih belum dapat diwujudkan kerana kekangan minda yang mempunyai tanggapan bahawa sihir sukar dibuktikan kerana ia bersifat metafizik. Pembuktian jenayah memerlukan fakta yang konkrit, jelas dan nyata, manakala jenayah sihir pula adalah suatu yang dikatakan bersifat mistik dan paranormal.

Secara logiknya, setiap jenayah yang berlaku atau yang dilakukan pasti ada kesan pada mangsa jenayah, samada ia mempengaruhi jiwa simangsa atau kesan tersebut bersifat fizikal seperti kesan lebam, darah, maut, bengkak, sakit anggota badan dan sebagainya. Setiap penjenayah yang melakukan jenayah pasti akan meninggalkan kesan jenayah pada simangsa. Maka, sihir juga secara logik aqalnya boleh dibuktikan dengan melihat kesan jenayah yang berlaku pada mangsa sihir.

Kesan jenayah sihir pada simangsa sihir adalah berbeza bergantung kepada kategori sihir. Oleh itu, mengenalpasti bentuk-bentuk sihir adalah prosedur pertama yang dilakukan dalam proses pembuktian sihir diikuti dengan melihat kepada tanda dan simptom sihir sebelum sesuatu penyiasatan dan diagnosis sihir dilakukan.

2. KATEGORI SIHIR

Sihir boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian dan huraian pada setiap kategori sihir adalah meluas yang mempunyai pelbagai cabang yang lain. Setiap bentuk dan jenis sihir mempunyai fungsi dan tujuan yang berbeza bergantung kepada niat sipelaku sihir. Kaedah yang digunakan juga adalah pelbagai mengikut spesifikasi pengupah dan penghantar sihir.

Pengertian sihir dari sudut bahasa, menurut Syeikh al Azhari ” Asal sebutan sihir bermaksud memesongkan sesuatu perkara dari hakikat kebenarannya kepada suatu bentuk lain yang boleh mengaburkan pandangan zahir”¹

Menurut Ibnu Qudamah al Muqaddisiy ” Sihir seerti dengan jampi serapah, upacara pemujaan, ucapan-ucapan tertentu yang diucapkan dengannya, penulisan-penulisan atau usaha tertentu yang sengaja dilakukan demi untuk mendatangkan kesan secara tidak langsung terhadap fizikal, mental mahupun perasaan simangsa.”²

Nota Rujukan :

1) Lisanul Arab (m/s: 4/348); Soodir- Beirut.

2) Al Mughniy (m/s: 10/104)

Menurut Ibnu Qayyum "Sihir itu adalah pemujaan terhadap roh-roh jahat di samping mengharapkan kesakitan luar biasa darinya"³

Menurut Syaikh Wahid Abdul Salam Bali "Sihir ialah persepakatan erat di antara tukang sihir dengan syaitan laknatullah yang mensyaratkan tukang sihir tersebut agar melakukan perbuatan-perbuatan yang haram dan syirik, di samping menyerahkan segala bentuk ketaatan kepadanya (syaitan) demi memperoleh bantuan dan pertolongan yang dihajati."⁴

Sihir boleh dikategorikan diantaranya seperti berikut :

1. Sihir Pemisah
2. Sihir Pengasih (At-Tiwalah)
3. Sihir Bayangan
4. Sihir Gila
5. Sihir Pemalas
6. Sihir Halusinasi
7. Sihir Penyakit
8. Sihir Pendarahan
9. Sihir Halang Nikah
10. Sihir Halang Seks
11. Sihir Kemandulan
12. Sihir Bisikan

Setiap kategori sihir mempunyai tanda dan simptom yang tersendiri dan membolehkan penyiasatan dilakukan bagi memperoleh keputusan diagnosis sihir. Tanda, simptom, penyiasatan dan diagnosis ini boleh dilakukan dengan mewujudkan satu formula kombinasi diantara tanda, simptom, penyiasatan dan diagnosis yang diiktiraf sebagai penyakit berkaitan sihir dengan kajian dan penemuan sains moden.

Apabila memperkatakan tentang sihir, ia akan melibatkan sekurang-kurangnya 3 pihak iaitu bomoh, pengupah dan mangsa. Seseorang itu perlu menjadi mangsa jenayah sihir sebelum mangsa sihir, ahli keluarga atau bukan ahli keluarga mangsa sihir boleh membuat pendakwaan terhadap pengupah sihir dan bomoh. Oleh itu, proses pertama dalam pendakwaan ialah pembuktian sihir pada mangsa.

Nota Rujukan :

3) Zaadul Ma'ad (m/s: 4/126)

4) Senjata Tajam untuk menangkis sihir & ilmu hitam (m/s: 16/297)

3. PEMBUKTIAN SIHIR

Pembuktian sihir boleh dilakukan dengan mengikut metodologi perubatan moden; tetapi sebelum sihir boleh dibuktikan, perkara pertama yang mungkin menjadi persoalan ialah "benarkah sihir itu wujud dan boleh dibuktikan?". Merujuk kepada kertas kerja "A woman with hidden charm needles – by SK Teo, Visiting Consultant, Department Of Medicine, Alexandria Hospital, Singapore " yang telah disiarkan dalam jurnal *Royal College Of Physicians Of Edinburgh (J R Coll Physicians Edinb 2006; 36:211-212)* , penemuan jarum susuk dalam tubuh badan wanita Indonesia berusia 69 tahun bagi tujuan kecantikan adalah salah satu bukti bahwa sihir wujud dan boleh dibuktikan melalui kaedah sains moden.⁵ Di Brazil, BBC News melaporkan pada 17 Disember 2009 bahawa seorang kanak-kanak lelaki berusia 2 tahun yang mengadu sakit perut dan muntah menjadi mangsa jenayah sihir dengan penemuan 40 jarum susuk di dalam badannya yang dimasukkan melalui upacara sihir oleh pelaku sihir dengan bertujuan membalas dendam terhadap ibu kanak-kanak tersebut.⁶ Perubatan moden menerima kerasukan sebagai salah satu penyakit dalam ICD 10 di bawah kod F44.3 Trance and Possession Disorders. Kerasukan ialah keadaan dimana pesakit berada dalam keadaan peribadi yang berbeza dari sifat pesakit yang sebenar. Jadi, isu sihir karut dan tidak wujud di zaman sains dan teknologi ini adalah disanggah berdasarkan penemuan yang dilakukan oleh saintis moden seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja tersebut dan juga terdapat kes polis seperti yang berlaku di Brazil serta wujudnya kod antarabangsa pengelasan penyakit dalam perubatan moden yang mengklasifikasikan kerasukan sebagai satu penyakit.

Persoalan seterusnya yang mungkin menjadi de-facto kepada pendakwa sihir ialah bagaimana untuk membuktikan seseorang telah menjadi mangsa jenayah sihir? Setiap kategori sihir mempunyai tanda dan simptom yang boleh mengaitkan seseorang adalah mangsa sihir. Apabila tanda dan simptom tersebut wujud, maka penyiasatan dilakukan terhadap mangsa dan seterusnya diagnosis sihir dibuat.

Dari sudut perubatan, jika seseorang yang sakit atau mengalami sesuatu yang nampak secara fizikal dan melakukan ujian darah, CT Scan, X-Ray, ujian air kencing, dan ujian-ujian makmal yang lain, tetapi semua ujian itu bercanggah dan tidak berkait antara satu sama lain menyebabkan pakar perubatan moden tidak dapat mencapai kepada satu diagnosis yang boleh mengaitkan sakit tersebut dengan sesuatu penyakit, maka, ia boleh diambilkira sebagai penyakit yang disebabkan oleh makhluk halus. Apabila dikatakan ia adalah penyakit yang disebabkan oleh makhluk halus, maka penyiasatan boleh dilakukan samada ia disebabkan oleh sihir atau bukan.

Nota Rujukan :

5) SK Teo, A Woman With Hidden Charm Needles; J R Coll Pyhsicians Edinb 2006; 36: 211-212

6) <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/americas/8416667.stm>

Apabila penyiasatan dilakukan, seseorang itu akan disiasat mengikut metodologi perubatan merawat sihir yang diiktiraf oleh syariat bagi mengenalpasti jenis sihir yang terdapat pada si mangsa. Setelah dikenalpasti jenis sihir yang berlaku pada si mangsa, maka diagnosis sihir dicatatkan.

4. TANDA SIHIR

Tanda-tanda sihir adalah perkara yang boleh dilihat secara fizikal samada oleh mangsa sendiri atau oleh rakan-rakan mangsa bergantung kepada jenis sihir yang dilakukan terhadap mangsa. Tanda sihir tidak sama pada semua kategori sihir dan tanda sihir diklasifikasikan mengikut jenis sihir yang berlaku terhadap mangsa.

Sebagai contoh, sihir penyakit akan mempunyai tanda-tanda dibadan seperti lebam yang mempunyai kesan seperti gigi yang tajam, tanda berbentuk seperti tiga segi dan berwarna hijau serta terdapat seperti kesan gigi yang tajam, bengkak pada anggota tubuh, muka jadi kusam dan lain-lain tanda yang dapat dilihat oleh mangsa sendiri.

Manakala jika sihir pengasih pula, berlaku tanda-tanda yang berbeza daripada sihir penyakit dan selalunya tanda ini dilihat oleh orang lain. Misalan contoh, seorang isteri yang melakukan sihir pengasih pada suami, diantara tanda yang orang lain akan nampak ialah si isteri memarahi si suami tetapi si suami memberitahu orang lain bahwa isterinya bercakap sangat mesra dan sopan padanya. Suami telah dikhayalkan oleh sihir pengasih bahwa si isteri bercakap sangat mesra dan sopan tetapi hakikat yang sebenarnya si isteri memarahi dan menengking si suami. ⁷

5. SIMPTOM SIHIR

Simptom sihir ialah mangsa sihir mengadu mengalami gejala sihir dan simptom juga berbeza mengikut kategori sihir. Contoh simptom sihir penyakit ialah mangsa mengadu mengalami panas seperti api yang dicucuh dari dalam badan yang berlaku pada waktu-waktu tertentu, mengalami kesejukan yang teramat sangat sehingga ketulang, badan atau hujung kaki rasa sejuk seperti mayat, sakit kepala yang teramat sangat yang tidak hilang dengan memakan ubat moden, sakit sendi yang teramat sehingga menangis, bisa-bisa badan, seperti kena cucuk jarum, terlalu sukar tidur, terlalu mengantuk pada waktu tertentu dan lain-lain simptom.

Nota Rujukan :

7) Wahid Salam Bali, Senjata Tajam untuk menangkis sihir & ilmu hitam

8) Wahid Salam Bali, Senjata Tajam untuk menangkis sihir & ilmu hitam

Simptom sihir pengasih agak berbeza dari simptom kategori sihir yang lain. Misalan contoh, suami yang terkena sihir pengasih isteri akan mengadu merasa takut terhadap isteri, merasa tidak tenteram terhadap isteri, merasa cinta yang teramat sangat terhadap isteri tetapi merasa sesuatu yang tidak kena apabila berjauhan dari isteri, merasa fikiran seperti terkongkong, akan sentiasa merasa setuju dengan isteri walaupun hati tidak bersetuju kerana perasaan cinta yang teramat sangat terhadap isteri dan lain-lain simptom.⁸

Apabila berlaku tanda sihir dan simptom sihir pada mangsa, maka penyiasatan dilakukan.

6. PENYIASATAN SIHIR

Penyiasatan sihir boleh dilakukan dengan kombinasi kaedah yang berdasarkan nas dengan kaedah sains. Kaedah berlandaskan syariat boleh dilakukan melalui rawatan yang diiktiraf oleh pakar yang berpengalaman dalam merawat sihir. Salah satu kaedah ialah melalui bacaan ruqyah yang apabila dibacakan ayat-ayat ruqyah pada mangsa sihir, akan berlaku sesuatu pada mangsa sihir misalnya berlaku jeritan, menangis, kesakitan atau lain-lain kesan. Kesan yang berlaku juga kemungkinan adalah berbeza mengikut kategori sihir. Sihir penyakit selalunya memberikan kesan seperti rasukan pada mangsa tetapi mangsa yang terkena sihir pengasih kemungkinan tidak akan merasuk, sebaliknya akan mendapat kesan yang lain.

Sebagai contoh, apabila penyiasatan dilakukan terhadap mangsa yang dikenakan sihir hasad, bacaan ruqyah akan membuatkan mangsa menjadi seperti tidak siuman, tidak berkelakuan seperti keadaan orang yang normal, tidak bersifat seperti sifat semulajadinya, hilang karakter yang sebenar iaitu dalam keadaan sedar mangsa tersebut tidak akan melakukan perbuatan tersebut seperti meraung dan menjerit nama seseorang, hilang peribadi yang sebenar seperti tidak merasa malu dan segan untuk menangis dan berlawan atau bersilat dengan perawat yang merawatnya, muntah, dan berbagai keadaan lain yang berlaku semasa siasatan dibuat.

Mangsa sihir pengasih mungkin mengalami keadaan yang berbeza, misalnya, selang beberapa hari setelah dibaca ruqyah, mangsa mengalami keluar darah yang banyak dari salah satu anggota badan dan pakar moden tidak dapat memberikan sebarang diagnosis penyakit terhadap apa yang berlaku, maka ini boleh dijadikan sebagai asas kepada hasil siasatan bahawa sesuatu sihir telah berlaku.⁹

Nota Rujukan :

9) Wahid Salam Bali, Senjata Tajam untuk menangkis sihir & ilmu hitam

Tepek adalah salah satu lagi metode siasatan yang boleh dilakukan bagi menunjukkan bahawa seseorang telah terkena sihir. Bahan yang keluar boleh berbentuk organik atau bukan organik atau kedua-duanya sekali. Bahan organik yang keluar seperti rambut, bulu anggota sulit, kuku, bulu mata dan sebagainya, mungkin boleh dibawa ke makmal untuk dikaji samada dapat di bandingkan struktur rambut tersebut dengan struktur rambut mana-mana pihak yang mungkin disyaki. Bahan-bahan lain yang keluar seperti buluh halus, benang, serpihan badan serangga seperti lipas, dan sebagainya boleh diambil sebagai asas siasatan bahwa satu sihir telah berlaku terhadap mangsa. Bagi menilai samada bahan yang keluar tadi adalah dari badan mangsa, setelah bahan tersebut keluar, terdapat perbezaan pada tubuh atau perasaan mangsa. Misalnya, mangsa akan merasa hilang sakit yang dialami, merasa lega, merasa ringan badan atau bagi mangsa sihir pengasih akan merasa perbezaan dari segi perasaan terhadap pasangan yang menyihirnya misalnya perasaan cinta yang teramat sangat tiba-tiba bertukar menjadi tawar dan hilang nafsu terhadap pasangan yang melakukan sihir tadi.

Rakaman video juga boleh dijadikan sebagai bahan bukti penyiasatan sihir dan boleh dinilai oleh pakar tertentu samada pesakit berlakon sakit atau pesakit memang sebenarnya sakit. Apabila pesakit dirawat dan berada dalam keadaan yang tidak normal, adakalanya wajah pesakit akan berubah dan perubahan ini mungkin juga boleh dilihat dengan lebih jelas melalui teknologi video.

Penemuan bahan-bahan sihir yang ditanam atau disimpan dalam rumah juga adalah sebahagian daripada penyiasatan sihir. Misalnya, terdapat kain kuning yang disyaki digunakan sebagai bahan sihir yang disimpan didalam almari rumah dan apabila kain tersebut dimusnahkan mengikut kaedah rawatan sihir, terdapat tanda-tanda bahwa kain tersebut adalah bahan sihir seperti keluar serangga yang pelik dan mencurigakan. Terdapat pelbagai kaedah dan metode yang boleh mengaitkan sesuatu barang itu sebagai bahan sihir dan kaedah dan metode yang dimaksudkan adalah berdasarkan pengalaman serta kajian perawat yang terlibat dalam merawat sihir.

Kesemua penyiasatan yang dilakukan adalah untuk mencapai kepada keputusan diagnosis sihir.

7. DIAGNOSIS SIHIR

Setelah melalui proses tanda sihir, simptom sihir dan penyiasatan sihir, diagnosis sihir dibuat mengikut kategori sihir yang telah dikenalpasti dan diiktiraf oleh syariat. Hasil keputusan diagnosis sihir, mangsa boleh melakukan pendakwaan sihir.

8. BAGAIMANA UNTUK MENDAKWA PELAKU SIHIR?

Mungkin mudah untuk mengenali bomoh jika dinyatakan ciri-cirinya secara umum, tetapi agak sukar untuk mensabitkan bomoh dengan kesalahan sihir, kerana tidak dapat dipastikan sihir telah berlaku atau bomoh tersebut telah menghantar sihir pada seseorang. Jadi, antara jalan yang paling sesuai untuk mencari bomoh ialah melalui mangsa sihir dan

dikaitkan sihir itu dihantar oleh pengupah dan berlaku "trace route" siapakah bomoh yang diupah oleh pengupah.

Banyak metode yang boleh digunakan untuk mencari suspek dan mensabitkan suspek dengan kesalahan sihir. Siapa suspek yang hendak didakwa adalah terletak pada mangsa sihir untuk mendakwa orang yang disyaknya ke muka pengadilan.

Kebarangkalian 1 : metode Q&A iaitu persoalan yang dibuat dan jawapan kepada soalan boleh digunakan untuk mencari suspek:

Contoh : Kes sihir pengasih

- 1) Tanda sihir berlaku pada siapa? Jawapan : A
- 2) Simptom pengasih berlaku pada siapa? Jawapan : A
- 3) Kesan siasatan terkena pada siapa? Jawapan : A
- 4) Diagnosis sihir berkaitan dengan apa? Jawapan : A

Maka A adalah suspek yang paling hampir untuk disyaki.

Kebarangkalian 2 : semasa dirawat ruqyah, pesakit mungkin menjerit nama seseorang tanpa kerelaan pesakit sendiri dan kemungkinan nama yang disebutnya adalah suspek dalam kes sihirnya kerana yang menyebut nama tersebut adalah jinn yang berada dalam badan pesakit yang merasa tidak tahan dengan siksaan dan diazab dengan ayat Quran oleh perawat. Hujah adalah berdasarkan surah al Jinn ayat 1 - 2 dan hadis masyhur 10 kisah suara Saidina Umar r.a sampai kepada sahabat yang sedang berperang di Jordan dan ada ulama mentafsirkan jin yang menyampaikan, bermakna ada maklumat jin yang boleh diambilkira. ¹¹

Metode Q&A kemudiannya boleh digunakan untuk mengkaji sebab musabab suspek menghantar sihir pada mangsa.

Kebarangkalian 3 : Solat hajat mengikut kaedah yang tertentu dan kemungkinan mangsa akan mendapat petunjuk siapa suspek yang menyihirnya dan metode Q&A kemudiannya boleh digunakan untuk mengaitkan suspek dengan sihir yang dihantar.

Kebarangkalian 4 : Mempertimbangkan penggunaan "Truth Serum" ke atas suspek bagi membantu mendapatkan maklumat yang lebih tepat serta benar dan bukan digunakan sebagai asas kepada bahan bukti pengakuan.

Nota Rujukan :

10) Kitab Karamatul Aulia

11) Imam Sayuti, Luqqatul Murjan Fi Ahkamil Jan

Kebarangkalian 5 : Menggunakan teknik *polograph* atau *lie detector test* sebagai bahan mekanikal sokongan ke atas maklumat yang diberikan oleh suspek terhadap pendakwaan ke atasnya. Teknik ini adalah salah satu teknik untuk mengesan tahap kebenaran maklumat yang diberikan oleh suspek dengan mengukur dan merekodkan beberapa indeks psikologi seperti tekanan darah , nadi, kadar/rentak pernafasan, dan *skin conductivity*. Sekiranya suspek bercakap benar, nadi dan tekanan darah akan stabil tetapi sekiranya suspek bercakap bohong, akan terdapat perubahan pada tekanan darah dengan kadar denyutan nadi.

Kebarangkalian 6 : Suspek menjalani ujian psikologi samada mengalami penyakit “Pathological lying”. “Pathological liar” adalah terma bukan klinikal bagi seseorang yang mempunyai tabiat perlakuan yang suka menipu untuk melepaskan diri dan seseorang itu mempunyai kemahiran dan licik dalam melakukan manipulasi terhadap kebenaran fakta.

Kebarangkalian 7 : Suspek diperiksa mengikut kaedah perubatan Islam oleh beberapa pengamal perubatan Islam yang diiktiraf keilmuan mereka untuk memeriksa samada suspek mempunyai kebarangkalian terlibat dalam perbuatan sihir.

Pendakwaan sihir mengambil kira keseimbangan dalam kebarangkalian yang dikemukakan.

9. KESIMPULAN

Pembuktian sihir boleh dilakukan melalui kaedah yang boleh diterima secara logik dan pendakwaan dilakukan berdasarkan pembuktian yang dikemukakan. Penghuraian setiap kategori sihir perlu dilaksanakan secara profesional dan metodologi pembuktian perlu mengikut kaedah yang diiktiraf oleh syariah dan sains. Satu transformasi perlu dilakukan untuk mewujudkan satu garis panduan yang sejajar dan etika yang lebih teratur dalam menentukan pembuktian sihir.

Proses pendakwaan adalah bermula daripada proses penyiasatan. Apabila terdapat aduan oleh mangsa sihir, ahli keluarga atau bukan ahli keluarga mangsa sihir kepada pejabat agama, pegawai penguatkuasa dibawah unit penguatkuasaan melakukan siasatan dengan melalui prosedur berkaitan penyiasatan sihir dengan mendapatkan keterangan pakar dalam rawatan sihir atau perawat yang merawat mangsa sihir. Kertas siasatan diserahkan ke bahagian pendakwaan dan pegawai pendakwa akan membuat pendakwaan ke atas suspek. Proses pembuktian akan bermula apabila suspek tidak mengaku bersalah. Metode pembuktian perlu dilakukan dengan mengadaptasi penemuan kajian sains bersesuaian dengan bahan bukti sihir serta memperkemas prosedur tanda dan simptom pembuktian sihir.

Proses pendakwaan adalah mengikut spesifikasi pendakwaan mahkamah yang sedia ada dan proses penentuan pelaku sihir adalah dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam proses pembuktian dan pendakwaan sihir.

Adalah disimpulkan bahawa sihir wujud dizaman ini berdasarkan penemuan sains berkaitan susuk dan formula pembuktian sihir dilakukan dengan menggunakan kombinasi ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan sihir dan sains moden serta pendakwaan boleh dibuat dengan menggunakan algorithm pembuktian sihir.

Ketiadaan enakmen sihir telah menjadikan sihir pada masa ini sebagai bukan satu jenayah. Resolusi perlu dicapai untuk menjadikan sihir sebagai satu jenayah dan menghukum pesalah sihir ke mahkamah syariah mengikut enakmen jenayah syariah.